


## Peranti Keselamatan yang Tidak Betul!

Jun 2014

Gambar 1 menunjukkan pili bomba di sebuah bandar yang terletak di utara USA yang diselaputi salji semasa musim sejuk. Rod keluli menegak diikat pada sebelah kiri pili yang bertujuan untuk menandakan lokasi pili, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 2. Bendera dipasang di atas rod supaya pasukan pemadam api boleh menjumpai ia sekiranya diselaputi salji. Bendera ini juga menandakan lokasi pili supaya ia kurang berkemungkinan dirosakkan oleh peralatan penyingkiran salji, dan supaya orang tidak meletak kenderaan di mana mereka akan menyekat akses kepada pili. Bendera merupakan alat keselamatan untuk membantu orang tahu di mana kedudukan pili air sekiranya ia ditimbus salji.

Peranti keselamatan ini telah menimbulkan masalah. Rod besi telah dipasang melalui pemegang injap. Kamu tidak dapat membuka injap tanpa membuang rod terlebih dahulu! Rod ini juga mungkin menghalang penggunaan sepenuhnya pili untuk membuka pili tersebut. Walaupun rod dan bendera boleh dikeluarkan, ini akan mengambil masa yang berharga, terutama dalam situasi kecemasan.

Gambar 1 menyerupai Gambar 3, yang diambil daripada Oktober 2004 Beacon. Di dalam gambar 3. Ranting dan dahan pokok yang berkembang menjadikan sukar bagi mengendalikan injap air bagi memadamkan api. Sementara dalam Gambar 1, seseorang telah memasang rod dan bendera melalui pemegang injap dan memberikan kesan yang sama.



### Tahukah anda?

→ Bendera pada pili bomba boleh dikira sebagai peranti keselamatan – untuk melindungi pili bomba daripada mengalami kerosakan disebabkan alat penyingkiran salji, untuk mengingatkan orang tidak menghalang akses kepada pili dan membantu pasukan pemadam api mencarinya sekiranya ia ditimbus salji. Tetapi disebabkan pemasangan yang tidak betul, ia menyukarkan pili dibuka dengan cepat. Jadi peranti keselamatan ini telah menjadikan satu isu keselamatan yang baru dan lebih serius.

→ Mana-mana peranti keselamatan boleh menimbulkan bahaya baru. Apa-apa perubahan kepada peralatan, walaupun ianya bertujuan meningkatkan keselamatan, boleh menimbulkan bahaya baru atau menjadikan bahaya sedia ada menjadi lebih teruk. Ini mungkin benar sekiranya peranti keselamatan tidak dipasang dengan betul.

### Apa yang boleh anda lakukan?

→ Apa-apa perubahan kepada sistem, termasuk penambahan peranti keselamatan baru adalah perubahan yang perlu dikaji semula menggunakan prosedur Pengurusan bagi Perubahan (MOC) di kilang anda.

→ Semasa melakukan kajian MOC bagi peranti keselamatan baru, pastikan untuk mengambil kira kemungkinan yang perubahan memperkenalkan bahaya baru.

→ Selepas perubahan dikaji, pastikan ia dilaksanakan dengan betul dan ia sedia untuk beroperasi melalui proses Kajian Keselamatan bagi Pra-Permulaan (PSSR)

→ Dapatkan kakitangan kecemasan turut sama terlibat dalam MOC dan PSSR perubahan memberi kesan kepada mereka.

**Kaji semua perubahan – walaupun ia bertujuan untuk keselamatan!**